

# *Sekalung Tahniah*

## **2 PELAJAR UniMAP PENERIMA BIASISWA TUNKU ABDUL RAHMAN 2008**

26 Ogos 2008 – Tahniah dan syabas diucapkan kepada dua (2)orang pelajar UniMAP telah berjaya terpilih sebagai pemegang Biasiswa Tunku Abdul

Rahman 2008. Majlis Penyampaian Biasiswa Tunku Abdul Rahman 2008 tersebut berlangsung di Auditorium Parcel E, Putrajaya dan telah disempurnakan oleh YB. Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pengajian Tinggi. Seramai 50 orang pelajar IPTA & IPTS dari universiti seluruh Malaysia telah berjaya terpilih sebagai pemegang biasiswa ini. Dua orang pelajar UniMAP tersebut adalah

Saudari Norsima Nazirah Bt Sidek dan Saudara Khor Kang Nan. Saudari Norsima Nazirah Bt Sidek merupakan pelajar Tahun 2 yang mengikuti kursus Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan manakala Saudara Khor Kang Nan juga pelajar Tahun 2 dalam bidang kursus Kejuruteraan Mikroelektronik. Pemegang biasiswa ini akan menerima elaun sara hidup bernilai RM 1,000.00, elaun buku benilai RM300.00/semester, elaun-elaun berkaitan pengajian seperti tesis, elaun latihan amal/kertas kerja, elaun alat perkakas (sekali setahun) dan bayaran untuk yuran pengajian kadar yuran sebenar yang dituntut oleh IPT masing-masing. Malahan setelah tamat pengajian pemegang biasiswa akan berkhidmat untuk Negara sekurang-kurangnya lima tahun.

